

28 Mac 2025

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera



LEBIH 10 TAHUN PEPERANGAN: KES KEBULURAN KANAK-KANAK DI YAMAN KEMBALI MENINGKAT

Kes malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat ke tahap yang membimbangkan di kawasan luar bandar Yaman ketika negara itu berdepan konflik perang berpanjangan melebihi 10 tahun.

Peningkatan serangan bom, sekatan bantuan kemanusiaan, dan tekanan antarabangsa telah memburukkan lagi keadaan serta menggugat segala kemajuan yang dicapai dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pusat-pusat kesihatan kini beroperasi di luar kapasiti apabila menerima jumlah pesakit jauh lebih ramai daripada yang mampu ditampung.

Lebih daripada 55% kanak-kanak di bawah umur lima tahun di Yaman kini mengalami malnutrisi serius.

Petugas kesihatan dan pemakanan Islamic Relief melaporkan bahawa semakin ramai kanak-kanak mengalami kekurangan zat makanan hingga menyebabkan kematian akibat kelaparan.

Seorang doktor di pusat kesihatan dan klinik pemakanan terapeutik yang mendapat bantuan Islamic Relief di daerah terpencil Zuhrah, Tariq Hadi Mohammed, 36 tahun berkata, terdapat kanak-kanak yang meninggal dunia akibat kebuluran di kawasan tersebut.

"Kami menyaksikan peningkatan ketara dalam kes malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak apabila semakin ramai pesakit tiba di pusat ini setiap hari. Kebuluran terus merebak seiring dengan kesempitan hidup yang makin parah."

"Pernah berlaku satu kes di mana penduduk kampung menemui seorang kanak-kanak perempuan dalam keadaan hampir koma akibat kekurangan zat makanan. Mereka segera membawanya ke pusat kesihatan, dengan tubuhnya yang lemah, bengkak, dan dalam keadaan kritikal. Kami segera memulakan rawatan, dan alhamdulillah, keadaannya bertambah pulih."

"Kemudian, adik perempuannya pula dibawa ke sini, tetapi semuanya sudah terlambat. Tubuh kecilnya hanya tinggal kulit dan tulang, terlalu lemah untuk bertahan. Dia akhirnya menghembuskan nafas terakhir. Melihat keadaannya yang begitu memilukan, saya tidak dapat menahan air mata."

"Ini adalah kawasan terpencil, jadi perkhidmatan kesihatan sangat terhad dan sukar diakses. Pusat ini hanya mampu menampung 8,000 orang, tetapi dalam keadaan sekarang, kami terpaksa merawat sekitar 12,000 orang, termasuk penduduk tempatan dan keluarga pelarian. Selain kanak-kanak, kami juga merawat wanita hamil dan ibu menyusu yang mengalami malnutrisi."

Satu dekad peperangan telah menghancurkan infrastruktur dan ekonomi Yaman, menyebabkan berjuta-juta orang kehilangan sumber pendapatan untuk menyara keluarga mereka. Akibatnya, sekitar 19.5 juta orang memerlukan bantuan kemanusiaan, manakala 17.1 juta orang bergelut untuk mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi.

Hadi Ali Huessien Qadri, seorang petani di daerah Zuhrah, berkongsi penderitaan yang dihadapinya, "Saya tidak mempunyai wang untuk menyediakan makanan yang cukup untuk isteri dan anak saya, dan itulah sebabnya anak saya jatuh sakit. Anak jiran saya juga mengalami malnutrisi, semuanya kerana mereka tidak mampu menyediakan makanan yang cukup untuk keluarga mereka. Mereka hanya makan sekali sehari. Inilah realiti yang dihadapi oleh seluruh kampung. Keadaan di sini benar-benar sukar."

Islamic Relief memberi sokongan dan bantuan kepada 185 pusat kesihatan dan klinik pemakanan terapeutik di lima wilayah Yaman dengan menyediakan rawatan percuma kepada keluarga yang tidak berkemampuan. Pada tahun 2024 sahaja, lebih 249,617 individu menerima rawatan pemakanan bagi menangani krisis kebuluran.

Sementara itu, Pengarah Negara Islamic Relief Yemen, Siddiq Khan menegaskan, "10 tahun peperangan telah memusnahkan ekonomi Yaman, menghancurkan infrastrukturnya, dan menghalang akses kepada perkhidmatan asas.

"Dalam keadaan yang mencabar ini, kami terus berkhidmat tanpa henti untuk mengurangkan penderitaan, mencegah wabak penyakit, dan menyampaikan bantuan dengan telus dan berkesan.

"Saya amat berbangga dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh pasukan Islamic Relief di Yaman, yang membantu 2.56 juta orang melalui bantuan makanan, perkhidmatan kesihatan, dan keperluan asas lain.

"Walaupun jutaan orang mendapat manfaat daripada bantuan kemanusiaan ini, masih ramai lagi yang memerlukan pertolongan. Mereka terus diancam kebuluran, keganasan, dan penyakit.

"Bantuan kemanusiaan telah membawa banyak perubahan positif selama bertahun-tahun, membantu orang ramai mendapatkan makanan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, air bersih, dan pendidikan. Namun, perkembangan terkini menyebabkan banyak kemajuan ini kembali merosot."

Islamic Relief menyeru kepada masyarakat antarabangsa untuk meningkatkan dana bantuan kemanusiaan ke Yaman, mendesak penyelesaian diplomatik terhadap konflik yang sedang meningkat, memastikan sekatan tidak memberi kesan kepada orang awam, serta menyokong pembangunan ekonomi di negara itu.

Peperangan telah memusnahkan Yaman, tetapi masih ada harapan jika tindakan segera diambil untuk menyelamatkan lebih ramai nyawa yang terancam.

-TAMAT-

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu lebih 145 juta orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan Pembangunan terbesar di dunia.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di Rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my